



**KERAJAAN MALAYSIA**

# **AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

**PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN**

**PPK 5**  
**(Disemak 2012)**

**MAC 2013**

**PIAWAIAN PERAKAUNAN  
KERAJAAN**

**AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

**PPK 5 (Disemak 2012)**

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 5

Akaun Pinjaman Disatukan

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Aras 1-8, No. 1, Persiaran Perdana,  
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 W.P. Putrajaya.

Tel: 03-88821000

Faks: 03-88821042

Emel: [janm@anm.gov.my](mailto:janm@anm.gov.my)

Laman sesawang: [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

## KANDUNGAN

| <i>Perenggan</i> | <i>Isi Kandungan</i>                 | <i>Muka Surat</i> |
|------------------|--------------------------------------|-------------------|
| 1                | Pengenalan                           | 1                 |
| 2                | Tujuan                               | 1                 |
| 3                | Skop                                 | 1                 |
| 4                | Latar Belakang                       | 1                 |
| 5                | Definisi Akaun Pinjaman Disatukan    | 2                 |
| 6                | Klasifikasi Akaun Pinjaman Disatukan | 3                 |
| 7                | Dasar dan Kaedah Perakaunan          | 6                 |
| 8                | Persembahan dalam Penyata Kewangan   | 7                 |
| 9                | Tarikh Kuat Kuasa                    | 7                 |



## 1. PENGENALAN

PPK 5 (Disemak 2012) Akaun Pinjaman Disatukan menggantikan PPK 5 (2006) selaras dengan PPK 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

## 2. TUJUAN

Piawaian ini bertujuan untuk menetapkan piawaian perakaunan Akaun Pinjaman Disatukan mengikut kehendak Perlembagaan Persekutuan dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

## 3. SKOP

Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi menguruskan Akaun Pinjaman Disatukan.

## 4. LATAR BELAKANG

4.1 Piawaian Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu garis panduan bagi menyeragam amalan perakaunan yang merangkumi definisi, penubuhan, klasifikasi, dasar dan kaedah perakaunan, dan persembahan dalam penyata kewangan kerajaan berasaskan:

4.1.1 Perlembagaan Persekutuan

4.1.2 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

4.1.3 Akta pinjaman terdiri daripada:

4.1.3.1 Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]

4.1.3.2 Akta Pinjaman (Bank Antarabangsa) 1958 [Akta 411]

4.1.3.3 Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]

4.1.3.4 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]

- 4.1.3.5 Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968 [Akta 410]
- 4.1.3.6 Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42]
- 4.1.3.7 Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 [Akta 187]
- 4.1.3.8 Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]
- 4.1.4 Aturan dan peraturan yang berkuat kuasa
- 4.1.5 Arahan Perbendaharaan
- 4.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan undang-undang negeri yang berkaitan mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

## 5. DEFINISI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

### 5.1 Definisi

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu daripada akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua terimaan dan bayaran balik atau pindahan berkenaan pinjaman diperakaunkan.

### 5.2 Penubuhan

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

## 6. KLASIFIKASI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

6.1 Akaun Pinjaman Disatukan diklasifikasikan seperti berikut:

### 6.1.1 Pinjaman

#### 6.1.1.1 Pinjaman Dalam Negeri

(a) **Bil Perbendaharaan**

Bil Perbendaharaan (*Treasury Bills*) adalah instrumen pinjaman jangka pendek Kerajaan Persekutuan tidak melebihi tempoh satu tahun dengan institusi kewangan seperti ditakrifkan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188].

(b) **Terbitan Pelaburan Kerajaan**

Terbitan Pelaburan Kerajaan (*Government Investment Issues*) adalah instrumen pinjaman yang mematuhi prinsip syariah. Instrumen ini diterbitkan untuk tempoh jangka panjang melebihi satu tahun tertakluk kepada Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

(c) **Sekuriti Kerajaan Malaysia**

Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysia Government Securities*) adalah instrumen pinjaman yang diterbitkan untuk tempoh jangka panjang melebihi satu tahun tertakluk kepada Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637].



(d) **Sukuk**

Sukuk adalah instrumen kewangan jangka panjang yang mematuhi prinsip syariah. Instrumen ini tertakluk kepada Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

(e) **Pinjaman Pasaran**

Pinjaman pasaran adalah pinjaman yang diperolehi daripada institusi kewangan tempatan dalam bentuk pinjaman langsung atau pinjaman bersindiket. Bagi pinjaman perumahan, ianya adalah tertakluk di bawah Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42].

(f) **Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan**

Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan adalah pinjaman jangka panjang yang diambil oleh kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan mengikut Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan.

#### 6.1.1.2 Pinjaman Luar Negeri

(a) **Pinjaman Pasaran**

Pinjaman pasaran adalah pinjaman jangka panjang yang diperolehi daripada institusi kewangan antarabangsa dalam bentuk bon, pinjaman langsung atau pinjaman bersindiket. Pinjaman ini tertakluk kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].

(b) **Sukuk**

Sukuk adalah instrumen kewangan jangka panjang yang mematuhi prinsip syariah. Instrumen ini tertakluk kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].

6.1.2 **Bantuan Luar Negeri**

(a) **Pinjaman Multilateral**

Pinjaman multilateral adalah pinjaman jangka panjang dengan institusi kewangan antarabangsa bagi membiayai projek pembangunan kerajaan, badan berkanun dan agensi kerajaan. Pinjaman ini tertakluk kepada Akta Pinjaman (Bank Antarabangsa) 1958 [Akta 411], Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 [Akta 187], dan Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968 [Akta 410] dan lain-lain akta berkaitan.

(b) **Pinjaman Bilateral**

Pinjaman bilateral adalah pinjaman jangka panjang antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara lain bagi membiayai projek pembangunan kerajaan, badan berkanun dan agensi kerajaan. Pinjaman ini tertakluk kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].

## **7. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN**

### **7.1 Perakaunan Pinjaman**

#### **7.1.1 Terimaan**

Terimaan pinjaman diakaunkan mengikut asas tunai ke akaun pinjaman berkenaan di bawah Akaun Pinjaman Disatukan. Terimaan ini ditunjukkan sebagai baki hutang dalam Penyata Akaun Memorandum Liabiliti.

#### **7.1.2 Bayaran**

Bayaran yang dibuat melalui Akaun Pinjaman Disatukan adalah bagi bayaran balik pokok pinjaman. Perbelanjaan mendapatkan pinjaman dan bayaran faedah pinjaman akan dipertanggungjawabkan kepada Akaun Hasil Disatukan di bawah perbelanjaan tanggungan.

#### **7.1.3 Pindahan**

Pinjaman yang diperolehi bagi tujuan pembangunan dan pinjaman perumahan yang telah dikreditkan ke Akaun Pinjaman Disatukan hendaklah dipindahkan ke kumpulan wang pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan masing-masing.

### **7.2 Kawalan Pembayaran**

Pembayaran atau pindahan boleh dibuat dari Akaun Pinjaman Disatukan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di bawah kuasa undang-undang Persekutuan dan negeri.

### **7.3 Had Pinjaman**

Pinjaman yang diambil tidak boleh melebihi had yang ditetapkan mengikut akta atau enakmen pinjaman yang berkuat kuasa.

#### **7.4 Penutupan Akaun Akhir Tahun**

Baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun kewangan akan dibawa ke akaun tahun kewangan berikutnya.

### **8. PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN**

Persembahan penyata kewangan tahunan hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

#### **8.1 Penyata Kedudukan Kewangan**

Akaun Pinjaman Disatukan ditunjukkan sebagai satu butiran berasingan di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Amaun tahun sebelumnya hendaklah dinyatakan sebagai angka perbandingan.

### **9. TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh kuat kuasa piawaian ini bermula dengan tahun kewangan 2012.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2014  
[www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)  
email: [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)  
**PNMB** Tel: 03-92366888 Fax: 03-92224773